

*Kemaskini : MAC 2023 : EDISI 2023*



## **JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

# **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PERKONGSIAN KEPAKARAN PENGAJAR DARI DALAM DAN LUAR NEGARA MELALUI KAEDAH PERKONGSIAN KEPAKARAN INDUSTRI (PKI) KEPADA PENGAJAR TVET RMKe-12 (2021-2025)**

## **(PINDAAN 1, MAC 2023)**

**GARIS PANDUAN**  
**PELAKSANAAN PERKONGSIAN KEPAKARAN PENGAJAR DARI DALAM DAN**  
**LUAR NEGARA MELALUI PERKONGSIAN KEPAKARAN INDUSTRI (PKI)**  
**KEPADА PENGAJAR TVET**  
**RMKe-12 (2021-2025)**

**EDISI MAC 2023**

**SENARAI AHLI PANEL**

PN. HAJAH ZULEAH BINTI DARSONG

TN. HJ JOHARI BIN HJ MOHAMAD TAHAR

EN. AZIAN BIN HUSSAIN

EN. AZIZI BIN BAHARI

PN. YUSNIZA BT MUHAMMAD YUSUF

PN. SHARIDA BINTI MOHD SHARIF

PN. AZLINA BT MOHAMAD SHAFIE

PN. ROSHANIZA BT MD HASHIM

TS. MOHD AZRUL BIN JAAFAR

PN RAHAYU BINTI ZAKARIA

EN MOHD MUSTAFFA BIN SURIB @ HJ ABDULLAH

PN NOOR AKHIDAH BINTI MOHD MUSTAFA

## **ISI KANDUNGAN**

Bil	Perkara	Mukasurat
	Senarai Kependekan	
	Terminologi	
1.0	Objektif Pelaksanaan Program Perkongsian Kepakaran Industri	5
2.0	Latar Belakang	5
3.0	Penyelarasan Pelaksanaan Program Perkongsian Kepakaran Industri	6
4.0	Prosedur Pelaksanaan Program Perkongsian Kepakaran Industri	6
5.0	Peranan Urusetia, Agensi dan Peserta Dalam Program Perkongsian Kepakaran Industri	10
6.0	Pemakaian	11
	Rujukan	
	Senarai Ahli Jawatankuasa Pelaksanaan Program Pembangunan Kepakaran dan Profesionalisme Pengajar TVET	
	Peranan Ahli Jawatankuasa Pelaksanaan Program Pembangunan Kepakaran dan Profesionalisme Pengajar TVET	
	Contoh Borang Senarai Nama Program Perkongsian Kepakaran Industri	
	Contoh Laporan Perkongsian Kepakaran Industri	
	Contoh Permohonan Perkongsian Kepakaran Industri	

## SENARAI KEPENDEKAN

<b>PKI</b>	Perkongsian Kepakaran Industri
<b>PI</b>	Pengajar Industri (Pekerja Industri(swasta)/Pengajar ILA/Pengajar ILS/Kakitangan Awam/Pesara Awam)
<b>IL</b>	Institut Latihan
<b>PK</b>	Peserta PKI
<b>SPD</b>	<i>Skill Professional Development</i> (Program Pembangunan Profesional Kemahiran)
<b>CIAST</b>	Centre For Instructor And Advanced Skill Training (Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan)
<b>JKP</b>	Jabatan Pembangunan Kemahiran
<b>NOSS</b>	Standard Pekerjaan Kemahiran Kebangsaan
<b>AI</b>	Admin Institut
<b>AA</b>	Admin Agensi
<b>ALSI</b>	Admin Unit Latihan Sangkutan Industri CIAST
<b>TiPS</b>	TVET Instructor eProfiling System
<b>IR 4.0</b>	Industrial Revolution 4.0

## 1.0 TERMINOLOGI

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
1.	Ahli Jawatankuasa Penyelarasan / Agensi Pelaksana	Wakil Kementerian/Jabatan/Agenzi Latihan Kemahiran Awam/Swasta agensi awam/swasta yang terlibat dalam pelaksanaan Program TVET Instructor Technology Update (Perkongsian Kepakaran Industri (PKI) Dalam dan Luar Negara Kepada Pengajar TVET)
2.	Perkongsian Kepakaran Industri (PKI)	Merupakan program perkongsian kepakaran dari pakar-pakar atau pengajar dari industri atau agensi awam kepada pengajar TVET secara terancang dan dalam bidang pengkhususan tertentu
3.	Pengajar TVET	Individu yang terlibat dalam pengurusan dan pengajaran bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).
4.	Pengajar Industri (PI)	Seseorang yang mempunyai kepakaran atau pengalaman dalam bidang-bidang tertentu terdiri daripada Pekerja Industri(swasta)/Pengajar ILA/Pengajar ILS/Kakitangan Awam/Pesara Awam)
5.	Bidang	Suatu tajuk kemahiran yang didaftarkan di dalam sistem TiPS.
6.	Abiliti	Keupayaan terhadap pengetahuan, kemahiran dan sikap individu kepada sesuatu kerja.
7.	<i>TVET Instructor eprofiling System (TiPS)</i>	Sistem pangkalan data pengajar TVET.
8.	Admin Unit LSI (ALSI)	Personel TiPS yang dilantik menjadi urusetia PKI keseluruhannya.
9.	Admin Agensi (AA)	Personel TiPS yang dilantik menguruskan PKI di peringkat Agensi.
10.	Admin Institut (AI)	Personel TiPS yang dilantik menguruskan PKI di peringkat Institut setiap agensi.

# **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PERKONGSIAN KEPAKARAN PENGAJAR DARI DALAM DAN LUAR NEGARA MELALUI KAEDAH PERKONGSIAN KEPAKARAN INDUSTRI KEPADA PENGAJAR TVET**

## **1.0 Objektif Pelaksanaan Program Perkongsian Kepakaran Industri**

- a. Menerangkan pelaksanaan latihan melalui kaedah Perkongsian Kepakaran Industri di dalam dan luar negara untuk pengajar TVET selaras dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia ke- 12 bagi Tonggak ke Empat RMKe-12 iaitu Transformasi Modal Insan dan Pengukuhan Pasaran Buruh. Tonggak ini juga sejajar dengan Pemboleh Daya kelima iaitu Pendidikan dan TVET.
- b. Memberi panduan mengenai kaedah tatacara pengurusan dengan memfokuskan kepada program-program latihan kemahiran sejajar dengan halatuju negara iaitu *new emerging technology*, ekonomi digital, persijilan profesional, *cross disciplinary and future social skills* berdasarkan kompetensi bidang yang dibangunkan dalam sistem TiPS.
- c. Mewujudkan platform perkongsian ilmu di antara pihak industri dan awam dengan pengajar TVET
- d. Merapatkan jurang antara kurikulum latihan kemahiran dengan keperluan industri;
- e. Mendedahkan pengajar TVET kepada teknologi terkini seiring dengan revolusi industri;
- f. Menyokong pelaksanaan latihan untuk memenuhi jurang kompetensi berdasarkan penilaian kompetensi pengajar TVET; dan membina hubungan baik dan kerjasama antara pihak industri, awam dengan institut.

## **2.0 Latar Belakang**

- a. Pengukuhan profesionalisme tenaga pengajar TVET dalam usaha meningkatkan kualiti penyampaian TVET untuk membangunkan modal insan berkemahiran tinggi yang diperlukan oleh Malaysia untuk mencapai taraf negara maju. Program TVET *Instructor Technology Update* untuk tenaga pengajar TVET diperkuuhkan dengan menggiatkan lebih banyak program latihan iaitu melalui pelaksanaan program Perkongsian Kepakaran Industri berasaskan kompetensi melalui e-profiling atau TVET *Instructors eprofiling system* (TiPS) bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tenaga pengajar selaras dengan kemahiran baharu (Emerging Skills), menaiktaraf dan mengoptimum fungsi pangkalan data eprofiling

untuk mengenalpasti jurang kompetensi dan menyediakan pelan hala tuju latihan yang berkesan.

- b. Program TVET *Instructor Technology Update* iaitu perkongsian kepakaran pengajar dari dalam dan luar negara melalui kaedah Perkongsian Kepakaran Industri kepada pengajar TVET yang melibatkan 15 agensi di bawah sembilan (9) kementerian dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kepakaran dan kemahiran pengajar sedia ada di agensi TVET awam. Tenaga pengajar diberi peluang untuk meningkatkan tahap kemahiran dan kepakaran mereka secara berterusan. Pelaksanaan program ini adalah berdasarkan kepada analisa keperluan latihan yang diperolehi melalui Sistem eProfiling (TiPS). Perkongsian Kepakaran Industri yang dilaksanakan adalah merangkumi tiga (3) jenis kompetensi yang telah dikenalpasti iaitu komponen kemahiran, pedagogi dan pengurusan.
- c. Pelaksanaan program ini merangkumi aspek penilaian, latihan, bimbingan, khidmat nasihat, sokongan dan penambahbaikan kompetensi kepada pegawai.

### **3.0 Penyelarasian Pelaksanaan Program Perkongsian Kepakaran Industri (PKI)**

Program ini diselaraskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Kepakaran dan Profesionalisme Pengajar TVET. Senarai jawatankuasa adalah seperti di Lampiran A, dan peranan Jawatankuasa adalah seperti di Lampiran B.

### **4.0 Prosedur Pelaksanaan Program Perkongsian Kepakaran Industri (PKI)**

Ia terbahagi kepada Empat (4) proses. Iaitu :

#### **a. Permohonan Peruntukan**

- i. Penyediaan perancangan latihan dan peruntukan kewangan yang diluluskan di peringkat agensi dikemukakan kepada CIAST.
- i. Perancangan latihan dan peruntukan kewangan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Program Pembangunan Kepakaran dan Profesional Pengajar TVET.
- ii. Peruntukan diagihkan berdasarkan kelulusan kepada agensi.

**b. Permohonan Program**

- i. Pengajar harus mengenalpasti Pengajar Industri dan peserta program yang bertepatan dengan bidang latihan yang dikongsi.
- ii. Program hendaklah meliputi salah satu dari tiga (3) kompetensi dan abiliti yang dipilih hendaklah sekurang-kurangnya 1 dengan merujuk kepada tempoh pelaksanaan program.
- iii. **Penyertaan minimum** peserta PKI adalah seramai **10 orang** bagi setiap program.
- iv. Pengajar industri yang belum didaftarkan dalam Sistem TiPS sebagai Pengajar PKI hendaklah didaftarkan terlebih dahulu sebelum permohonan dihantar dalam Sistem TiPS.
- v. Pengajar Industri boleh terdiri daripada kakitangan awam/kerajaan, swasta atau pesara
- vi. Pengajar Industri yang terdiri daripada agensi swasta atau pesara hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3, atau Diploma, atau Ijazah, atau sarjana atau PHD.
- vii. Tawaran sebagai Penceramah/Pengajar Industri bagi setiap program PKI **hanya dihadkan kepada 2 kali** sahaja dalam tempoh setahun.
- viii. Pengajar Industri dikehendaki membuat persetujuan bertulis untuk menjadi pengajar PKI dan mengemukakan resume, salinan sijil kelayakan akademik bagi PI dari swasta atau surat pengesahan jawatan bagi penjawat awam kepada Admin Institut dan memuat naik dalam Sistem TiPS.
- ix. Keutamaan diberikan kepada Pengajar Industri (PI) daripada swasta. Walau bagaimanapun, penjawat awam daripada agensi yang berlainan juga boleh dijemput sebagai Pengajar Industri.
- x. Pengajar Industri (PI) hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya minimum 5 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan.
- xi. Syarat pelaksanaan Program Perkongsian Kepakaran Industri adalah seperti di Jadual 1.

**Jadual 1 : Syarat Pelaksanaan Perkongsian Kepakaran Industri**

PENGAJAR INDUSTRI (PI)	TEMPOH PERLAKSANAAN		CATATAN
	MINIMUM	MAKSIMUM	
Satu orang	Satu orang	6 jam / hari	Tawaran PKI bagi setiap PI dihadkan kepada 2 kali sahaja dalam tempoh setahun
		18 jam / 3 hari	

- xii. Jadual pelaksanaan / tentatif PKI hendaklah menyatakan dengan jelas jumlah jam pelaksanaannya. Salinan tentatif program ini perlu dimuatnaik dalam Sistem TiPS semasa membuat permohonan.
- xiii. Program boleh dilaksanakan secara dalam talian atau bersemuka.

**Jadual 2 : Tuntutan / Elaun yang dibayar kepada Pengajar Industri**

TUNTUTAN ELAUN / BAYARAN KEPADA PI	PENGAJAR INDUSTRI (PENJAWAT AWAM)	PENGAJAR INDUSTRI (SWASTA)
Saguhati penceramah	Merujuk kepada gred jawatan	Merujuk sijil kelayakan akademik
Tuntutan perjalanan	Merujuk kepada gred jawatan	Tiada tuntutan (rujuk kepada kelulusan agensi)

- xiv. Tuntutan elaun / bayaran kepada Pengajar Industri adalah merujuk kepada Jadual 2 di atas.

**c. Pelaksanaan Program**

- i. Permohonan hendaklah dibuat oleh Admin Institut melalui sistem TiPS.
- ii. Laporan Pelaksanaan Dan Maklumbalas Program :  
Admin Institut hendaklah menyediakan laporan pelaksanaan program dan memastikan peserta juga memberi maklumbalas Keberkesanan Kursus dalam Sistem TiPS. Laporan perlu disediakan dalam bentuk PDF dan diemailkan kepada [laporanpki@ciast.gov.my](mailto:laporanpki@ciast.gov.my) dalam tempoh 2 minggu selepas tarikh program PKI.
- iii. Kadar dan syarat tuntutan elauan adalah tertakluk tatacara, pekeliling dan arahan berkaitan yang sedang berkuatkuasa mengikut agensi berkaitan digunakan dan diuruskan oleh agensi masing-masing.
- iv. Penangguhan / Pembatalan Program  
Program PKI yang telah diluluskan tidak dibenarkan untuk ditangguhkan atau dibatalkan LSI kecuali dengan kebenaran Pengarah agensi masing-masing.

**d. Lawatan Pemantauan**

- i. Institut / Agensi yang melaksanakan PKI perlu bersedia menerima lawatan pemantauan pada bila-bila masa daripada ALSI.

**e. Pengesahan Pelaksanaan Program**

- i. Sijil penghargaan akan diberi kepada PI oleh Admin Institut setelah program selesai.
- ii. Sijil penyertaan kepada peserta juga dikeluarkan oleh Admin Institut.

## **5.0 Peranan Urusetia, Agensi Dan Peserta Dalam Program Perkongsian Kepakaran Industri (PKI)**

### **a. CIAST (Urusetia) – Admin LSI CIAST**

- i. Memohon peruntukan kewangan melalui Kementerian Sumber Manusia bagi pelaksanaan Program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Industri)
- ii. Menyelaras penyaluran peruntukan kewangan kepada agensi pelaksana untuk pelaksanaan program yang dirancang; (Maklumat kewangan Waran atau EFT).
- iii. Meluluskan permohonan PKI yang di mohon dalam sistem TiPS.
- iv. Menyelaras dan memantau pelaksanaan Program Perkongsian Kepakaran Industri (PKI)

### **b. Agensi Pelaksana – Admin Agensi (AA)**

- i. Menerima peruntukan kewangan melalui Kementerian Sumber Manusia bagi pelaksanaan Program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Industri)
- ii. Mengenalpasti calon-calon pengajar TVET dari agensi yang bersesuaian untuk mengikuti program PKI.
- iii. Menyemak dan menyokong permohonan PKI di dalam sistem TiPS.
- iv. Melaporkan pelaksanaan PKI di agensi kepada urusetia.
- v. Memastikan pelaksanaan program mematuhi garis panduan PKI, pekeliling dan tatacara kewangan yang ditetapkan, dan juga tertakluk kepada prosedur kewangan di agensi berkenaan.

### **c. Admin Institut (AI)**

- i. Mendaftarkan firma dan PI di dalam sistem TiPS (sekiranya firma dan PI belum didaftarkan)
- ii. Membuat permohonan PKI di dalam sistem TiPS mengikut keperluan institut/agensi berkenaan
- iii. Mencetak surat tawaran PKI untuk salinan institut setelah diluluskan oleh ALSI;
- iv. Menguruskan dokumen-dokumen tuntutan PI

- v. Memastikan peserta membuat penilaian laporan keberkesanan kursus abiliti di dalam sistem TiPS.
- vi. Menyediakan Laporan Perkongsian Kepakaran Industri (PKI) dan menghantarkannya kepada urusetia melalui email **laporanpki@ciast.gov.my** dalam tempoh **2 minggu** selepas tarikh program PKI.

## 6.0 Pemakaian

Pemakaian Garis Panduan Perkongsian Kepakaran Industri ini adalah berkuatkuasa mulai Mac 2023

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran  
Jabatan Pembangunan Kemahiran  
Kementerian Sumber Manusia

## Rujukan

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 2005 – Pelaksanaan Pelan Latihan Sumber Manusia Sektor Awam.
  - a. Bengkel Penambahbaikan Garis Panduan Program Pembangunan Kepakaran Dan Profesionalisma Pengajar Tvet – Perkongsian Kepakaran Industri
  - b. Mesyuarat Kerja Kajian Keberkesanan Pembangunan Kepakaran Dan Profesionalisme Pengajar TVET
  - c. Manual Sistem e-profiliiing (TiPS)
  - d. Surat Pekeliling Kadar Bayaran Pensyarah / Penceramah Dan Fasilitator Sambilan Mengikut Gred Jawatan Rujukan : Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2005 (Pekeliling Kerajaan Malaysia Wp 1.8 (Anggota Perkhidmatan Awam) Peraturan Mengenai Kadar-Kadar Dan Syarat – Syarat Bayaran Saguhati Kepada Pensyarah / Penceramah Dan Fasilitator Sambilan).
  - e. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 19 Tahun 2002 : Kadar Bayaran Pensyarah / Penceramah Dan Fasilitator Sambilan Mengikut Kadar Kelayakan Akademik.
  - f. Pekeliling Kerajaan Malaysia WP 1.4, Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera Dan Polis)
  - g. Semua Pekeliling Kerajaan Malaysia , Surat Pekeliling Perbendaharaan, Surat Pekeliling Perkhidmatan Dan Arahan-Arahan Terkini Dan Semasa Kementerian Akan Digunakan Pada Dalam Garis Panduan Ini.

**SENARAI AHLI JAWATANKUASA PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN KEPAKARAN DAN PROFESIONALISME PENGAJAR TVET**

Pengerusi : Pengarah CIAST

Urus Setia : CIAST

Ahli-Ahli Tetap : Kementerian/Jabatan/Agensi Pelaksana yang terlibat dalam program ini adalah seperti berikut:-

**SENARAI AGENSI PELAKSANA PROGRAM PEMBANGUNAN KEPAKARAN DAN PROFESIONALISME PENGAJAR TVET**

1. Pengarah

Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)  
Jalan Petani 19/1. Seksyen 19,  
Peti Surat 7012,  
40900 Shah Alam,  
Selangor.  
No. Telefon: 03-5543800  
No. Faks: 03-55438274

2. Ketua Pengarah

Jabatan Tenaga Manusia (JTM)  
Bahagian Pembangunan Kemahiran  
Aras 6, Blok D4, Parcel D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62530 Putrajaya  
No. Telefon: 03-88862482  
No. Faks: 03-8892417

3. Pengarah Kemahiran

Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia  
Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia  
Aras 3, Blok 4 G4, Presint 4, Menara KBS  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62570 Putrajaya  
No. Telefon: 03-88713653  
No. Faks: 03-88888785

**4. Pengarah**

Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya  
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK)  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4W,  
Persiaran Perdana Presint 4,  
62100 Putrajaya  
No. Telefon: 03-88919291/88919096  
No. Faks: 03-88919304

**5. Pengarah**

Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP)  
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan  
Wisma Tani, Aras 3, Lot 4G1, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62624 Putrajaya  
No. Telefon: 03-88701682/03-88701628  
No. Faks: 03-88886908

**6. Pengarah**

Bahagian Kemahiran dan Teknikal  
Tingkat 21, Ibu Pejabat MARA  
Jalan Raja Laut  
50609 Kuala Lumpur  
No. Telefon: 03-26134604/03-26134596  
No. Faks: 03-26911310

**7. Pengarah**

Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 5 & 6, Blok E14, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 Putrajaya  
No. Telefon: 03-888445134  
No. Faks: 03-888445212

8. Pengarah  
Jabatan Penjara Malaysia,  
Ibu Pejabat Penjara Malaysia,  
Bahagian Pengurusan Banduan,  
Seksyen Vokasional & Industri,  
Jalan Kajang-Semenyih Bypass,  
43000 Kajang, Selangor  
No. Telefon: 03-88713653  
No. Faks: 03-88888785

9. Ketua Pengarah  
Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Bahagian Perancangan dan Pembangunan  
Aras 15,  
No 55, Persiaran Perdana, Presint 4,  
62100 Putrajaya  
No. Telefon: 03-83231930/03-83231927  
No. Faks: 03-83232048

10. Ketua Pengarah  
Agensi Antidadah Kebangsaan  
Jalan Maktab Perguruan Islam,  
43000 Kajang,  
Selangor.  
No. Telefon: 03-89112481/0389112597  
No. Faks: 03-88888785

11. Komandan  
Maktab Teknik PDRM Bakri,  
84200 Muar, Johor.  
No. Telefon: 06-9895222  
No. Faks: 06-9864478

12. Pengurus Besar,  
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia Sdn Bhd  
Wisma GIATMARA, Jalan Medan Tuanku 1,  
50300 Kuala Lumpur.  
No. Telefon : 03-26912690  
No. Faks : -

13. Pengurus Besar,  
Bahagian Pentaulahan Kompetensi,  
Sektor Personel Binaan,  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)  
Tingkat 35, Menara Dato' Onn, 45,  
Jalan Tun Ismail, 50480, Kuala Lumpur  
No. Tel : 03-40477386  
No. Faks : 03-40477000

14. Timbalan Pengarah Urusan,  
Bahagian Akademik & Latihan,  
German –Malaysian Institute,  
Jalan Ilmiah, Taman Universiti,  
43000 Kajang, Selangor  
No. Tel : 03-89219000  
No. Faks : 03-89219252

15. Timbalan Presiden  
University Development & Sustainability,  
Universiti Kuala Lumpur,  
1016, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur.  
No. Tel : 03-21754000  
No. Faks : 03-21754001

**Peranan Jawatankuasa Pembangunan Kepakaran dan Profesionalisma Pengajar TVET**

- a. Jawatankuasa Program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Industri (PKI) dalam dan luar negara kepada pengajar TVET) bertanggungjawab dalam merancang dan memohon keperluan bajet serta menyelaras pengurusan dan mengawal selia pelaksanaan semua program latihan melalui kaedah Perkongsian Kepakaran Industri kepada Pengajar TVET;
- b. Menggariskan perancangan strategik pembangunan latihan kemahiran bagi pelaksanaan program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Industri (PKI) dalam dan luar negara kepada pengajar TVET) ;
- c. Menyemak, mengkaji dan meluluskan cadangan program latihan kemahiran berpandukan perancangan latihan agensi pelaksana yang telah diperakukuan oleh Jawatankuasa Latihan atau Ketua Jabatan di Kementerian / Jabatan / Agensi latihan kemahiran Awam/Swasta masing-masing dan mematuhi prosedur kewangan.
- d. Menyelaras permohonan siri PKI merujuk kepada permohonan di dalam sistem TiPS dengan disokong oleh Admin Institut (AI).
- e. Menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan program *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Industri (PKI)) dalam dan luar negara kepada pengajar TVET secara berkala; dan
- f. Mengadakan mesyuarat *TVET Instructor Technology Update* (Perkongsian Kepakaran Industri (PKI) dalam dan luar negara kepada pengajar TVET) bersama semua agensi terlibat;

**SENARAI NAMA PROGRAM PERKONGSIAN KEPAKARAN INDUSTRI (PKI) TAHUN .....****BIDANG :****AGENSI:****JENIS LATIHAN:****NAMA KURSUS:****TEMPAT KURSUS:****TARIKH KURSUS:**

BIL	CALON PESERTA	INSTITUT	PURATA SKOR ABILITI
BAYARAN PENCERAMAH (RM)		TNT PENCERAMAH (RM)	JUMLAH ANGGARAN (RM)
<b>PENGAKUAN DAN PENGESAHAN</b>			
Adalah diakui kesemua maklumat adalah benar		Cadangan telah disemak dan disokong / tidak disokong*	
TANDATANGAN _____ NAMA: _____ TARIKH: _____		TANDATANGAN _____ (KETUA PENGARAH/WAKIL AGENSI) NAMA: _____ TARIKH: Mesti dicop dengan cop rasmi agensi *Sila potong yang tidak berkenaan	

**LAPORAN PERKONGSIAN KEPAKARAN INDUSTRI (PKI) DI INSTITUT LATIHAN TVET**

**MUKA HADAPAN**

- Nama dan Alamat Institut Latihan TVET

: ..... • Nama Admin Institut

: ..... • Tarikh

Pelaksanaan : .....

**Tempat Pelaksanaan**

: ..... •

- Nama Pengajar Industri (PI)

: .....

- Bidang Kemahiran (merujuk bidang yang didaftarkan di TiPS)

: .....

- Abiliti yang terlibat (seperti yang dipilih dalam sistem TiPS)

: .....

: .....

: .....

**1.0 PENGENALAN**

Objektif program serta sedikit ringkasan program PKI terbabit

<b>2.0</b>	LAPORAN PKI									
<b>2.1</b>	Skor Keseluruhan <b>Laporan Penilaian Keberkesanan Kursus</b> : ..... /									
<b>2.2</b>	Jadual Program									
<b>2.3</b>	Maklumat Peserta									
<b>Jumlah Peserta</b>	<b>Jantina</b>		<b>Sektor</b>		<b>Pecahan Bangsa</b>					
	L	P	Awam	Swasta	Melayu	Cina	India	Bumiputra Sabah/Sarawak	Lain-lain	

**2.4 Kompetensi Diperolehi**

Nyatakan kompetensi yang diperolehi dan secara ringkas apa yang diperolehi.

**2.5 Justifikasi Kursus**

Nyatakan kepentingan mengadakan kursus dan implikasi jika tidak diadakan.

**2.6 Gambar-gambar sepanjang program ( Minimum 4 keping gambar program )**

**3.0 KESIMPULAN PKI**

**4.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PKI**

**5.0 LAMPIRAN**

CARTA ALIR PERMOHONAN PKI

